

# Tindakan undang-undang patut diambil ke atas Kit Siang

**KUALA TERENGGANU** 14 Julai — Tindakan undang-undang patut diambil ke atas Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang kerana keenggannya membayar tol Lebuhraya Sungai Besi - Air Keroh minggu lalu, kata Datu Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau menegaskan Kit Siang tidak menikmati sebarang hak istimewa dan dia juga perlu membnyar tol seperti orang lain.

"Inilah Kit Siang, dia ingat kerana dia ketua pembangkang dia boleh pecah undang-undang. Tapi ini sangkalan din saja," katanya.

Bagaimanapun ujar Perdana Menteri, terpujanglah kepada PLUS untuk mengambil tindakan itu.

"Tetapi tindakan Kit Siang membuktikan bahawa pihak pembangkang terutama ketuanya tidak menghormati undang-undang langsung.

"Dia ingat oleh kerana dia ketua pembangkang dia buat apapun kalau orang ambil tindakan, dia boleh laporkan kepada dia punya 'directors' di luar negeri. Jadi bolehlah dia kata kerajaan tidak adil, walhal dia yang pecah undang-undang," katanya.

Perdana Menteri menjawab pertanyaan para warta-

wan berhubung tindakan Lim enggan membayar tol itu \$5.80 Sabtu lalu kerana mendakwa beliau menanggung kesusahan akibat kesesakan di Lebuhraya Kuala Lumpur - Air Keroh pada hari tersebut.

Menurut Lim, perjalanannya ke Melaka yang biasanya memakan masa satu setengah jam menjadi dua setengah jam pada hari tersebut kerana kegagalan PLUS memastikan kelancaran di lebuhraya itu.

## Kemalangan

Pada hari itu berlaku dua kemalangan di lebuhraya tersebut dan kerja-kerja menaikkan taraf lebuhraya itu yang sedang sibuk dijalankan diperlahankan lalulintas.

Perdana Menteri, yang ditemui selepas merasmikan Primula Kapas Island Village Resort berkata: "Inilah pembangkang kita, dia ingat dia ada hak istimewa ... boleh buat apa saja. Ini belum jadi kerajaan ... kalau jadi kerajaan tak tahu apa jadi..."

Dr. Mahathir berkata, alasan bahawa lebuhraya itu tidnk elok tidak boleh digunakan untuk mengelak daripada membnyar tol.

"Kalau semua orang boleh jatuhkan hukuman ke atas PLUS, susahlah, nanti semua tak bavarlah tol.

"Inilah teladan buruk yang boleh ditunjuk oleh Kit Siang. Kit Siang tidak ada satu pun teladan yang baik.

"Saya fikir Kit Siang patut dikenakan tindakan," ujarnya.

Di Kuala Lumpur, Pengarah Urusan PLUS Amirullah A.M. Mayudin yang diminta mengulas tindakan yang diambil ke atas perkara ini memberitahu hari ini pihaknya telah membuat laporan polis berhubung dengan keengganan Kit Siang membayar tol \$5.80 itu.

Katanya, pihaknya tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan terhadap mereka yang enggan membayar tol dan ia terpujang kepada pihak polis mengambil tindakan.

"Kami mempunyai hak untuk mengutip tol menurut undang-undang bagaimana pun kami tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan dan sesiapa yang melanggar perintah itu diadukan kepada polis," katanya.

Amirullah menjelaskan kesesakan di plaza tol berkenaan bukan disengajakan tetapi ia diakibatkan oleh dua kemalangan yang berlaku padamasa itu.

Sementara itu, Kit Siang ketika dihubungi petang ini untuk mengulas kenyataan Perdana Menteri menegaskan-

kan, beliau sanggup menghadapi tindakan undang-undang kerana tidak membayar tol tersebut.

Katanya, beliau tidak pernah meminta PLUS mengecualikan tol ke atasnya sebaliknya berbuat demikian kerana PLUS gagal memenuhi syarat kontrak yang dinyatakan pada tiket transit tol.

## Selamat

"PLUS tidak memenuhi syarat untuk memastikan Lebuhraya Utara Selatan 'selamat, mudah dan cepat,' tegasnya.

Beliau menegaskan, tugas PLUS bukan sekadar mengutip tol tetapi memastikan pengguna lebuhraya selamat dan PLUS mesti memenuhi syarat tersebut terlebih dahulu sebelum meneruskan kutipan tol.

Katanya, Perdana Menteri sepatutnya menasihati PLUS supaya menyediakan perkhidmatan sebagaimana yang dijanjikannya itu.

Kit Siang berkata, beliau tidak menganggap perbuatannya satu teladan tidak baik. "Saya yakin ramai yang menyokong tindakan saya," tegasnya.